

20 MAR 1997

ASIA LNG TRANSPORT TERIMA KAPAL KEDUA PADA MEI

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Masa depan Asia LNG Transport Sdn Bhd dalam pengangkutan gas asli cecair (LNG) bagi pukal yang lebih kecil untuk bandar raya sederhana di Jepun adalah cerah dengan penghantaran terjamin kapal LNG yang keduanya pada Mei ini.

Asia LNG adalah syarikat usaha sama antara PNSL Bhd (anak syarikat milik penuh Konsortium Perkapalan Bhd) dan Nippon Yusen Kabushiki Kaisha (NYK Line) dari Jepun.

Di dalam satu kenyataan hari ini, Konsortium Perkapalan Bhd menyatakan bahawa kapal kedua itu akan mengangkut LNG untuk MNLG, anggota Petroleum Nasional Bhd, dari Pelabuhan Bintulu, Sarawak, ke Pelabuhan Shiogama, Bandar raya Sendai, Jepun selama 20 tahun.

Satu upacara menamakan kapal itu akan diadakan di Jepun di NKK Tsu Works dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Hj Mohd Ali akan menjadi tetamu kehormat. Perdana menteri Seri Dr Mahathir Mohamad akan juga turut hadir di majlis itu. -- BERNAMA

DAB MA/sia